

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober /November 1996

HKT 405 Teori Dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **TIGA** [3] soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua contoh yang jelas, bincangkan secara kritis pola pemikiran dan kegiatan dalam disiplin Kesusasteraan Bandingan di Afrika dan Asia masa kini. Jelaskan juga kaitan antara pola tersebut dengan pola pemikiran dan amalan di Perancis/Eropah pada zaman awal perkembangan disiplin tersebut.
2. Dengan merujuk kepada karya-karya tertentu, jelaskan pendekatan konsentrik dalam Kesusasteraan Bandingan seperti yang dikemukakan oleh Hosillos. Bincangkan juga kelebihan dan kekurangan pendekatan ini berbanding dengan pendekatan-pendekatan tematik, genetik dan generik.
3. Bincangkan kesan-kesan feminism ke atas disiplin Kesusasteraan Bandingan masa kini dengan rujukan khas kepada:
 - [i] teori dan amalan penulisan kreatif, dan
 - [ii] teori dan amalan kritikan.

Perbincangan anda mestilah dilengkapkan dengan merujuk kepada para pemikir/penulis feminis dan tulisan/karya mereka.

4. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, bincangkan beberapa implikasi konstruksi disiplin pengajian kesusasteraan yang berbentuk sfera konsentrik dalam mana “kesusasteraan besar dari Barat” diletak di pusat sementara kesusasteraan-kesusasteraan lain diletak dalam lingkaran-lingkaran di pinggir. Perbincangan anda mestilah meliputi:
 - [i] isu di sekitar konsep kesusasteraan dunia,
 - [ii] isu kesusasteraan besar/kesusasteraan kecil,
 - [iii] isu karya besar/karya kecil dalam sesebuah tradisi kesusasteraan.
5. Jelaskan pengertian kesusasteraan pasca-kolonial, dan teori kesusasteraan pasca-kolonial. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan model kajian kesusasteraan pasca-kolonial yang menonjolkan sifat kacokan (hybridity) dan satu lagi model yang anda tahu.
6. Bandingkan secara umum apresiasi karya kesusasteraan dengan apresiasi karya filem. Kemudian, bincangkan secara kritis aspek-aspek dan masalah-masalah yang ketara di dalam proses adaptasi karya kesusasteraan kepada karya filem. Perbincangan anda mestilah berasaskan sekurang-kurangnya satu kes adaptasi yang sebenar yang telah anda pelajari.

--oo000oo--